

34 mahasiswa FKAL mencurahkan bakti

► Kepada penghuni Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia di Kajang, Selangor

43 12.10.2018 87
LABUAN: Seramai 34 mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menziarahi Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia di Kajang, Selangor sempena program 'Journey for Knowledge 2018' (JFK'18) yang dijalankan selama seminggu.

Program anjuran Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam (PMKI) yang disertai mahasiswa daripada pelbagai kursus pengajian di FKAL itu diketuai oleh Pensyarah Kewangan Islam Nurul Izzati Abd Razak.



MAHASISWA bersama seorang warga emas (kiri).



MAHASISWA FKAL bersama penghuni Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia.

Beliau yang juga penyelar program berkata peranan mahasiswa dalam membantu masyarakat perlu dipandang tinggi kerana tidak semua sanggup turun membantu masyarakat.

Katanya, sikap tanggungjawab terhadap masyarakat seharusnya menjadi salah satu elemen penting yang harus diintegrasikan dalam setiap mahasiswa.

Seramai 70 penghuni Al Fikrah yang terdiri daripada orang kurang upaya (OKU), warga emas dan bekas pesakit hospital yang tidak dituntut waris menerima keperluan harian daripada peserta rombongan.

Sepanjang empat jam berada di pusat itu, mahasiswa turut membantu urusan harian warga Al Fikrah seperti

memandikan, memakaikan baju dan menunaikan permintaan mereka seperti membelikan buah-buahan

dan membancuh teh tarik.

Kehadiran mahasiswa Tahun Dua dan Tiga FKAL yang diketuai Pengarah

Program Mohamad Kamil Nurfirdaus Mohamed Fuad Alfikri itu disambut baik di mana mereka meluangkan masa bersama dan bergotongroyong mengemas bilik penghuni Al Fikrah.

Dalam ucapan penutup, Nurul Izzati telah menekankan akan bagi mahasiswa untuk menyumbang kepada masyarakat dan menggariskan agar program ziarah itu terus dijalankan pada masa akan datang.

Selain daripada melawat pusat jagaan berkenaan, peserta Journey for Knowledge 2018 yang mendapat tajaan daripada Restoran Maz Café yang beroperasi di Bangi, Selangor



MAHASISWA FKAL bersama barang keperluan harian yang hendak diserahkan kepada penghuni Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia.



NURUL Izzati (tiga kiri) menyampaikan pampers kepada wakil Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia.



NURUL Izzati (kiri) menerima sijil penghargaan daripada wakil Pusat Jagaan Al Fikrah Malaysia Nurul Atikah Mohd Azmi.

turut melawat Rumah Pengasih Warga Prihatin di Kajang yang menempatkan anak-anak yatim.

Mahasiswa FKAL turut melawat USIM, IIUM, IBFIM, INCEIF, ISRA, Bank Negara Malaysia dan

beberapa tempat menarik di sekitar Kuala Lumpur seperti Muzium Kesenian Islam.

Nurul Izzati berkata program yang pertama kali dianjurkan FKAL itu bertujuan meningkatkan ilmu dan bertukar-tukar pandangan mahasiswa mengenai ilmu kewangan Islam.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dekan FKAL Prof Madya Dr Zaiton Osman yang memberikan sokongan padu dalam menjayakan program itu.

“Selain daripada melawat pusat jagaan berkenaan, peserta Journey for Knowledge 2018 yang mendapat tajaan daripada Restoran Maz Café yang beroperasi di Bangi, Selangor turut melawat Rumah Pengasih Warga Prihatin di Kajang yang menempatkan anak-anak yatim.”



PELAJAR FKAL bersukan bersama pelajar USIM.

(Gambar kiri) **MAHASISWA FKAL bergambar kenangan di IIUM.**